

13 MAY 2000

Umno (Rangkum)

UMNO TERIMA LOCENG AMARAN DENGAN BERAKHIRNYA PERHIMPUNAN AGUNG

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Perhimpunan agung Umno berakhir hari ini dengan banyak perkara untuk difikirkan oleh parti selepas anggota perwakilan mengetepikan tradisi dengan berucap secara berterus terang mengenai masalah dan kelemahan Umno, setelah dikejutkan dengan keputusan pilihan raya umum November lepas.

Berdasarkan pengalaman wartawan-wartawan veteran yang membuat liputan persidangan tahunan, yang paling menarik perhatian ramai ini, para perwakilan yang berucap pada perhimpunan Umno, dengan dibendung perasaan puas hati akan kedudukan dan nasib baik parti, tidak pernah menurutkan hati untuk mengkritik diri, apatah lagi untuk mengkritik pucuk pimpinan.

Tetapi ia jelas berlaku kali ini dengan berdasarkan kekalahan teruk parti di negeri-negeri majoriti Melayu pada pilihan raya umum lepas, beberapa pemimpin malah telah membangkitkan persoalan sama ada Umno yang berusia 54 tahun ni masih relevan kepada bangsa Melayu.

Dewan Merdeka yang mewah dan anggun di Pusat Dagangan Dunia Putra telah menjadi tempat perhimpunan agung Umno lebih sedekad lalu, dan di sinilah ramai anggota perwakilan telah menunjukkan kemahiran mereka berucap dengan disulami jenaka dan senda gurau yang mencuit hati mereka yang hadir.

Tetapi apa yang membezakan perhimpunan tahun ini ialah ramai perwakilan yang bersikap berterus-terang, tidak lagi berselindung di sebalik sindrom berbudi bahasa dan bersopan yang memang dikaitkan dengan masyarakat Melayu.

Perwakilan dari Kelantan yang juga anggota Majlis Tertinggi Datuk Annuar Musa boleh dijadikan contoh "keberanian" yang baru ditemui ini apabila beliau turut menegur para pemimpin parti, termasuk perdana menteri sendiri, kerana menghabiskan terlalu banyak masa terhadap tanggungjawab kementerian mereka dan mengabaikan kerja parti.

" Dengan mengutamakan tugas kerajaan daripada tugas parti tidak selalunya boleh membantu parti. Jangan hanya asyik membuat kerja kerajaan sehingga kerja parti terabai.

" Kerajaan yang kuat belum menjamin parti yang menerajui kerajaan itu juga kuat," kata Annuar, seorang daripada beberapa anggota kabinet Umno yang tewas pada pilihan raya tahun lepas.

Perkara yang dibangkitkannya menerima tepukan gemuruh kira-kira 2,010 anggota perwakilan terutama apabila Annuar memberitahu perhimpunan itu bahawa Umno sendiri yang mungkin merencanakannya jika terlalu taksub membawa pembangunan bagi negara ini tetapi mengabaikan kebajikan parti sendiri.

"Disebabkan ini, Umno boleh mengalami nasib yang sama seperti parti Liberal Demokratik Jepun, Kuomintang Taiwan dan Golkar Indonesia," kata Annuar, yang kepetahannya berpidato telah lama tidak didengar di dewan ini setelah kira-kira 10 tahun beliau menjadi menteri kabinet.

Perdana Menteri dan Presiden Umno Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad segera menjawab kritikan Annuar dalam ucapan penggulungannya hari ini dengan berkata beliau kini akan menghabiskan lebih banyak masa terhadap kerja parti.

Sambil mengakui bahawa beliau mempunyai banyak tugas untuk dilaksanakan sebagai perdana menteri termasuk menerima kunjungan ketua-ketua kerajaan asing dan mesyuarat di luar negeri yang beliau perlu hadiri, Dr Mahathir mengumumkan bahawa beliau akan mengagih-agihkan banyak daripada tugasnya kini kepada menteri-menteri lain, terutama timbalannya Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Annuar memberikan contoh pemimpin parti pembangkang PAS yang tidak mengabaikan tanggungjawab mereka sebagai pemimpin politik semasa

menjalankan tugas rasmi mereka.

PAS memerintah kerajaan negeri Kelantan dan Terengganu.

Umno juga dikritik kerana ketinggalan di belakang PAS dalam penggunaan teknologi maklumat dan multimedia terutama komputer, yang para perwakilan sifatkan sebagai ironi kerana Koridor raya Multimedia, pusat bagi pembangunan multimedia yang sedang dimajukan di Cyberjaya dekat sini, merupakan ilham Dr Mahathir sendiri.

Seorang anggota perwakilan berkata pengundi lebih suka memeriksa nama mereka dalam daftar pengundi di pondok-pondok yang dikendalikan PAS semasa pilihan raya umum lepas kerana mereka dilengkapi dengan komputer sedangkan Umno masih menggunakan pembaris kayu untuk menggariskan nama pengundi.

Satu lagi contoh kelantangan para perwakilan ialah dengan mengejek atau mengeboo Datuk Seri Rafidah Aziz, seorang pemimpin veteran Umno dan menteri yang pada Rabu dipilih semula sebagai Ketua Wanita, selepas tewas pada pemilihan 1996.

Tidak dapat dipastikan kenapa Rafidah yang sendiri turut dikenali suka berterus terang, diboo setiap kali namanya disebut di dewan itu, termasuk pada hari perasmian semasa pengerusi tetap parti Tan Sri Sulaiman Ninam Shah memperkenalkan beliau sebagai Ketua Wanita yang baru dipilih.

Datuk Badruddin Amiruldin, yang tidak pernah gagal mengambil bahagian dalam banyak perbahasan pada perhimpunan Umno, malah telah meminta Rafidah "zip mulutnya sedikit", merujuk kepada Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri itu yang sikap garangnya menyebabkan beliau dilabel "rapid-fire Rafidah".

Tetapi tumpuan perhimpunan tahun ini tentunya ialah terhadap pemilihan parti terutama bagi tiga jawatan naib presiden, jawatan ketiga paling berkuasa selepas presiden dan timbalan presiden.

Jawatan-jawatan kanan Umno merupakan landasan kepada bakal-bakal presiden parti yang biasanya akan menjadi perdana menteri dan timbalan presiden menjadi timbalan perdana menteri.

Disebabkan jawatan nombor satu dan nombor dua tidak ditandingi kali ini selaras dengan "nasihat" kepada para anggota Umno bagi memastikan perpaduan dipelihara, keputusan pertandingan naib presiden begitu dinanti-nantikan.

Walaupun pemilihan semula penyandang naib presiden Datuk Seri Najib Tun Razak telah dijangkakan berdasarkan jumlah pencalonan tertinggi yang diterimanya daripada bahagian-bahagian parti, kemenangan Tan Sri Muhammad Muhammad Taib dan Tan Sri Muhyiddin Yassin menunjukkan bahawa kehendak akar umbi tidak boleh dipandang ringan.

Walaupun Muhammad juga merupakan penyandang jawatan naib presiden, beliau telah diberikan "cuti" selama tiga tahun oleh parti selepas didakwa di mahkamah Australia kerana tuduhan gagal mengisytiharkan mata wang pada 1996, Walaupun selepas itu beliau dibebaskan daripada dakwaan berkenaan oleh mahkamah itu.

Beliau terpaksa berhenti menjadi menteri besar Selangor tahun itu kerana masalah undang-undang yang dihadapinya.

Muhammad hanya dibenarkan menjalankan tugas semula sebagai naib presiden, dua bulan lepas, dan ramai yang telah mengenyepikannya kerana ketiadaannya yang terlalu lama itu.

Muhyiddin, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal ehwal Pengguna, seperti Muhammad, membuat kejutan kerana kedua-dua mereka hanya mendapat jumlah pencalonan yang sedikit berbanding enam lagi calon yang mereka kalahkan.

Dalam apa yang boleh dianggap satu pengakuan, Dr Mahathir bercakap mengenai kenapa Umno kehilangan banyak daripada sokongan Melayu dan kenapa rakyat telah mula mempersoalkan relevan parti itu.

"Memang pun sudah ramai yang meluat dengan wakil rakyat dan pemimpin-pemimpin Umno. Sepatutnya kita cuba melalui tingkahlaku kita,

kesederhanaan kita, kesopanan kita supaya sokongan kepada parti kita dapat dikembalikan. Tetapi kita tidak menghiraukan perasaan meluat orang. Kita terus mengejar kepentingan kita," katanya dalam ucapan dasar presiden pada hari perasmian perhimpunan ini.

Loceng amaran itu telah membuatkan para pemimpin kanan Umno termasuk Dr Mahathir sendiri lebih sedar mengenai pentingnya suara akar umbi tidak dipandang ringan terutama golongan muda yang kini dikatakan menjadi penyokong kuat PAS.

Seperti yang Annuar katakan: "Perwakilan mahu pucuk pimpinan mendengarr dan memberi perhatian kepada akar umbi. Dan mereka mahu melihat perubahan dan membaiki di pelbagai peringkat.

" Dan mereka tidak suka diberitahu siapa yang patut mereka undi," katanya.

-- BERNAMA

AU RON